

HADIAH

KAJIAN TERHADAP  
STAIL  
DALAM SAJAK-SAJAK LATIFF MOHIDIN

Oleh

ABU BAKAR BIN OTHMAN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

Mei 2000

784111

f r b  
FPL5136.43  
A872A16  
2000

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah mengurniakan rahmat-Nya dengan memberi kekuatan semangat dan fizikal serta kesihatan yang baik sehingga mengizinkan saya menyelesaikan tesis ini pada masa yang ditetapkan.

Penghargaan utama dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih saya rakamkan untuk Yang Berbahagia Profesor Dr. Hj. Ali bin Ahmad selaku penyelia utama yang memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu-jemu. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga saya tujukan kepada Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Shahnnon Ahmad (sekarang Yang Berhormat) yang memberi nasihat dan bimbingan dari segi disiplin penulisan tesis.

Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada Profesor Madya Dr. Noriah Taslim, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, yang telah memberi galakan untuk saya meneruskan pengajian di peringkat sarjana ini. Juga tidak lupa ucapan terima kasih kepada Dr. Siti Hajar Che Man yang selalu memberi nasihat dan ingatan yang berguna terutama tentang masa, juga Dr. Harun Daud dan Dr. Suhaimi Abdul Aziz yang memberi bimbingan dari segi kaedah dan teori serta pensyarah-pensyarah kesusasteraan PPIK yang lain iaitu Profesor Dr. Hj. Md. Salleh Yaapar yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Profesor Madya Dr. G. L. Koster, Profesor Madya Dr. Wong Soak Koon dan Puan Lalita Sinha, juga kaki tangan PPIK yang membantu dalam proses menyiapkan tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih juga saya kalungkan kepada dua sahabat karib, saudara Kamaruddin Abd. Rahman dan Mohd Shukri Matt Ali, yang banyak membantu dalam memantapkan lagi ilmu kesusasteraan dan memberi teguran serta galakan.

Semuga segala sumbangan yang telah diberikan oleh mereka yang tersebut tadi akan diberi ganjaran oleh Allah di akhirat nanti.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penyelenggaraan tesis ini.

\*\*\*\*\*

Mei 2000

## ABSTRAK

Tesis ini merupakan kajian tentang stail terhadap sajak-sajak Latiff Mohidin. Kajian ini bertujuan melihat stail dari segi bahasa dan stail dari segi bentuk sajak. Namun begitu, tumpuan utama kajian ini ialah kepada stail bahasa sajak.

Kajian ini mendapati sajak-sajak Latiff Mohidin kaya dengan gaya bahasa yang indah. Kepelbagaian gaya bahasa di dalam sajak-sajak beliau menjadikan sajak-sajaknya hidup, segar dan menarik dibaca. Bahasa-bahasa perbandingan dan kiasan yang indah seperti simile, metafora, hiperbola dan personifikasi digunakan di dalam sajak-sajak beliau menjadikan makna yang ingin disampaikan lebih mantap dan berkesan.

Di samping itu, penggunaan imej alam yang serasi dengan penyair serta dilahirkan secara sepontan menjadikan citra warna imej yang menarik. Kesegaran imej yang dipaparkan penyair menjadikan sajak-sajaknya segar dan bermaya.

Penggunaan gaya retorik memperlihatkan keragaman teknik penulisan dan kemahiran penyair bermain dengan bahasa. Bentuk sajak-sajaknya pula bebas dari segi binaan rangkap dan baris serta bebas dari segi reka bentuk ruang dan garis yang didasarkan kepada seni tampak.

Unsur-unsur yang disebutkan di atas, menjadi adunan dalaman untuk membina makna yang mantap dan tepat serta menonjolkan jatidiri penyair yang sejati. Sehubungan dengan itu, sajak-sajak Latiff kelihatan indah dan sentiasa segar di dalam jambangan puisi tanah air.

## ABSTRACT

This thesis is the study of the style of Latiff Mohidin's poems. The objective of this study is to identify the style of language and the style of form of his poems. However, the main focus of this study is to study the language style of his poems.

The study shows that Latiff's poems are rich with beautiful language styles. The various language styles in his poems make his poems alive, fresh and attractive to read. The using of beautiful similies, methaphores, hiperboles and personifications in his poems make the massages of his poems powerful and effactive.

Besides, the using of nature images which are suitable with the poet and spontaneous writing make the images beautiful and colourful. The freshness of images given by the poet makes his poems fresh and strong.

The using of rhetoric style shows the poet various techniques of writing and his skill of playing with language. His poems are also free from the build of stanza, line and spacing which are based on his artistic creativity.

All the elements mentioned above constitute the internal mixing to build strong and perfect meanings and also show the original identity of the poet. So that, Latiff's poems are beautiful and always fresh in the bouquet of Malaysian poems.

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
KANDUNGAN:	iv
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1. Pernyataan Masalah	1
1.2. Tujuan Kajian	6
1.3. Kepentingan Kajian	7
1.4. Bidang Kajian	8
1.5. Batasan Kajian	8
1.6. Kriteria Pemilihan Bahan Kajian	11
1.7. Tinjauan Kajian Terdahulu	12
1.8. Metodologi Kajian	15
1.9. Susunan Disertasi	16
<b>BAB 2: STAIL DALAM PENULISAN PUISI.</b>	
2.1. Pendahuluan	17
2.2. Stail Bahasa Sajak	18
2.2.1. Ragam Bahasa	19
2.2.1.1. Imej	19
2.2.1.2. Bahasa Perbandingan	23
2.2.1.2.1. Simile	23
2.2.1.2.2. Metafora	24
2.2.1.2.3. Hiperbola	26
2.2.1.2.4. Personifikasi	26
2.2.1.2.5. Paradoks	27
2.2.1.2.6. Ironi	28
2.2.1.2.7. Metonimi	29
2.2.1.2.8. Synecdoche	30
2.2.1.3. Gaya Retorik	31
2.2.1.3.1. Inversi.	32
2.2.1.3.2. Asyndeton	33
2.2.1.3.3. Polysyndeton	33
2.2.1.3.4. Pertanyaan Retorik	34
2.2.1.3.5. Euphemism	35
2.2.1.3.6. Litotes	36
2.2.1.3.7. Tautologi	37
2.2.1.3.8. Apostropi	38

2.2.1.4. Diksi	39
2.2.1.5. Perlambangan	40
2.3. Rima Sajak	41
2.3.1. Rima Hujung	41
2.3.2. Asonansi.	41
2.3.3. Aliterasi.	42
2.4. Bentuk Sajak	42

### **BAB 3: STAIL DI DALAM SAJAK-SAJAK LATIF MOHIDIN.**

3.1. Pendahuluan	48
3.2. Bahasa Dalam Sajak-sajak Latiff Mohidin	49
3.2.1. Imej	51
3.2.2. Bahasa Perbandingan	66
3.2.3. Gaya Retorik	96
3.2.4. Diksi	109
3.2.5. Perlambangan	114
3.3. Rima	118
3.4. Bentuk	127

### **BAB 4: PENUTUP**

134

### **RUJUKAN**

141

### **LAMPIRAN 1**

145

### **LAMPIRAN 2**

146



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1. Pernyataan Masalah.

Karya sastera merupakan salah satu cara bagi manusia menyampaikan fikiran dan melahirkan perasaan melalui bahasa yang indah. Ia dapat dianggap sebagai medium pengluahan jiwa pencipta kesan daripada pandangannya terhadap alam dan kehidupan. Kata-kata yang mencerminkan perasaan dan sanubari manusia ini, mempamerkan pelbagai emosi sama ada positif ataupun negatif, umpamanya kebahagiaan, keseronokan atau kesedihan, penderitaan serta perasaan sampingan lain yang dialami pengarang. Segala perasaan seumpama ini menjadi takungan mendapan ilham kepada pengarang untuk melahirkannya semula dalam bentuk prosa mahupun puisi. Rangsangan luaran yang terkesan pada fikiran dan perasaan diri pengarang menjadi inspirasi bagi tercetusnya ilham dan imaginasi sehingga membawa kepada lahirnya sebuah karya sastera.

Sastera memperihalkan segala aspek kehidupan manusia sama ada dari segi status kehidupan, aktiviti dan sumbangan manusia, falsafah dan fahaman mahupun budaya dan adat resam. Kehidupan manusia yang tercerna di dalam karya sastera merupakan peniruan daripada kehidupan sebenar manusia sejagat yang berinteraksi dengan alam semesta. Namun begitu, gambaran yang dipaparkan pengarang adalah untuk mencerminkan kesempurnaan nilai kehidupan manusia yang murni, ia mempunyai ciri-ciri keinsanan sejati. Dengan kata-kata atau ungkapan yang indah, serta memperlihatkan daya kreativiti dan imaginasi yang tinggi, sastera berupaya memberikan kesan yang mendalam terhadap khalayak. Unsur-unsur estetika terdapat dalam bentuk cerita mahupun bukan cerita, sama ada ia ditulis ataupun dituturkan.

Perbezaan yang jelas di antara sastera dan bukan sastera ialah sifat kesusasteraan pada bahasa sastera itu sendiri (Ali Ahmad, 1994: 7). Sehubungan dengan itu, sastera berkemampuan memenuhi citarasa insaniah ke arah pembentukan tingkah laku yang diterima manusia sejagat. Dengan kata lain, sastera boleh memanusiaikan manusia.

Puisi terdiri daripada dua aspek utama iaitu isi dan stail. Aspek isi mengandungi gagasan, pemikiran dan wawasan yang membawa nilai dan akal budi. Manakala stail pula ialah bentuk puisi dihasilkan dan keterampilan pengarang menggunakan bahasa yang memberi kesan kepada pemikiran dan perasaan manusia.

Menurut Eagleton (1988: 50);

... puisi ialah bahasa yang bersifat rasa, suatu jenis pernyataan semu yang muncul untuk memeriksa dunia tetapi sebenarnya hanya menyusun perasaan kita tentangnya dalam cara-cara yang memuaskan. Puisi yang paling berkesan ialah yang menyusun sejumlah besar perasaan ...

Menurut William Wordsworth, (Dharmawijaya, 1988: 7), seorang penyair romantik Inggeris pula,

...puisi adalah pengucapan perasaan yang imaginatif dan biasanya mempunyai rentak.

Manakala Rachmat Djoko Pradopo (1995: 7) pula mentakrifkan puisi sebagai;

...Puisi mengekspresikan pemikiran yang membangkitkan perasaan, yang merangsang imajinasi panca indera dalam susunan yang berirama .

Kedua-dua aspek, isi dan stail, tidak dapat dipisahkan kerana masing-masing saling terikat, saling memerlukan dan saling menentukan. Dalam situasi tertentu, stail

menentukan kemantapan isinya. Ada pengarang mementingkan isi lebih daripada stail dalam menyampaikan gagasan dan fikiran mereka. Ada pula pengarang yang lebih mengutamakan stail dalam menyampaikan mesej dan perasaan kerana sentuhan perasan akan memberikan kesan yang amat mendalam kepada manusia.

Proses berkarya bagi seseorang pengarang, bertunjangkan pengalaman yang bersumberkan kepada persepsi faktual alamiah melalui daya panca indera yang menggerakkan daya fikir mahupun persepsi khayali yang menggerakkan imaginasi. Sentuhan nurani dalaman berbentuk 'sir' (bermaksud tersembunyi atau halus) yang senantiasia merahsiyai jiwa penyair ini, dicernakan dalam ungkapan bahasa yang murni lagi mempesonakan, yang kemudiannya disebut sebagai puisi. Nurani dalaman seseorang penyair itu amat sukar ditafsir oleh manusia biasa kalau hanya melihat jasmani luaran semata-mata. Sentuhan hati penyair dengan spesis alam yang pelbagai, menjadi perencah bagi penyair membuahkan puisi yang mempunyai kelazatan yang amat sukar untuk dinukilkan dengan kata-kata tanpa disertai penghayatan sebenar. Kepelbagaian pengalaman ini menjadikan penyair amat produktif dalam melahirkan puisi yang bermutu dan merangsang citarasa pembaca yang tidak sekata.

Wahana yang amat penting bagi penyair dalam menghasilkan puisi ialah bahasa. Bahasa menjadi aset penyair yang utama bagi memperkayakan dan menghiasi lanskap puisinya. Keterampilan penyair menampilkan bahasa yang bermutu dengan memilih kata-kata yang tepat dan padat maksudnya, menggunakan perbandingan-perbandingan, dan imejan mempermudah pembaca memahami mesej yang hendak disampaikan. Di dalam puisi, penyair bukan sahaja membicarakan makna semata-mata tetapi juga memastikan isi hatinya memberi

kesan kepada pembaca. Sehubungan dengan ini, Howard Nemerov (1972: 15) menyatakan;

*...in which the feeling seems to be resolved actually by ambiguity, or by maintaining a tension (a balance?) between two possibilities of feeling.*

Dalam memahami puisi, seseorang pembaca harus bersedia menemui pelbagai makna yang dipersembahkan melalui perasaan, nada dan niat yakni *sense, feeling, tone, and intention* (I.A.Richards, 1929: 173-180).

Stailistik berasal daripada perkataan Latin *stylus* bermaksud kayu pancang atau tonggak ataupun bahan penulisan. Manakala makna yang lebih moden melibatkan perluasan metafora dan metonimi.

*... it has brought a number of more specifically linguistic terms and methods of analysis into literary criticism and theory (Jeremy Hawthorn, 1992: 178).*

Stailistik berhubung kait dengan persoalan bahasa yang lebih terbatas kepada karya sastera (Umar Junus, 1989: xi). Bahasa seni adalah bahasa yang halus, atau bahasa yang indah. Pendeknya bahasa yang bergaya atau bahasa yang indah merupakan cara pengarang menyatakan sesuatu. Menurut Geoffrey Leech dan Michael Short (Jeremy Hawthorn, 1992: 179),

*"...in general, literary stylistic has implicitly or explicitly, the goal of explaining the relation between language and artistic function."*

Penggunaan bahasa yang mempunyai unsur-unsur keganjilan, keluarbiasaan dan keunikan bukan sahaja mengindahkan bentuk tetapi juga memberi kesan dari segi kemantapan makna. Tujuan stilistik dari segi kesusasteraan secara langsung atau

tidak langsung adalah untuk menerangkan hubungan di antara fungsi bahasa dengan artistik (Geoffrey N. Leech & Michael H. Short, 1993: 6).

Sajak-sajak Latiff Mohidin mempunyai stail penulisan yang berbeza daripada pengarang-pengarang lain yang seangkatan dengannya. Beliau sering memilih kata-kata yang memberi makna yang mendalam dan berkesan. Penggunaan imej alam dalam sajaknya memang telah sehati dengan masyarakat terutama di kalangan masyarakat Melayu. Kata-kata seperti sungai, senja, pohon cemara, bukit, gunung, matahari dan bulan sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Melayu dan ianya membawa makna yang amat bererti dalam kehidupan. Sungai menjadi nadi kehidupan masyarakat desa sama ada dari segi penggunaannya ataupun sumber rezeki. Matahari, walaupun memancarkan bahang panas yang membakar yang tidak terhingga namun kehadirannya amatlah diperlukan bagi menerangi kehidupan manusia dan makhluk-makhluk Allah yang lain. Bulan pula menjadi lambang percintaan di antara dua makhluk sehinggakan munculnya ungkapan *bagai pungguk rindukan bulan*. Bulan juga bukan sahaja menjadi lambang keindahan malahan menjadi sumber inspirasi dan pengharapan. Walaupun imej alam yang dipilih itu kelihatan seperti bersahaja, namun ianya amat berpranan dalam sajak Latiff. Latiff dan alam umpama lagu dan irama yang tidak boleh dipisahkan, kalau dipisahkan juga maka pincanglah salah satunya.

Sesebuah sajak sama seperti suatu organisma yang hidup, suatu pun daripada bahagian-bahagian itu tidak dapat dimusnahkan tanpa menjejaskan bahagian-bahagian yang lain (Hashim Awang, 1997: 54). Adunan di antara isi dan gaya menjadikan sesebuah sajak itu mantap, hidup dan segar. Walaupun aspek isi penting bagi sesebuah sajak dalam usaha penyair menyampaikan mesej, gagasan,

wawasan dan perasaan, tetapi Latiff Mohidin lebih mementingkan aspek stail daripada isi. Stail boleh mengindahkan sajak, di samping memperlihatkan hubungan rasa hati manusia dengan alam. Penyajak menyampaikan idea dengan penuh perasaan, dan penuh gaya. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan cuba memperlihatkan kebenaran pernyataan di atas.

## **1.2. Tujuan Kajian.**

Tujuan pengkaji membuat kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana puisi moden memperlihatkan stail yang indah. Stail yang digunakan pengarang dalam melahirkan perasaan melalui kata-kata puisi yang memberi kesan dan penuh dengan ciri-ciri keterampilan penggunaan bahasa. Di dalam puisi moden unsur-unsur bahasa yang indah dapat merangsangkan pembaca atau khalayak memahami mesej pengarang yang sebenar. Pembaca yang memahami mesej pengarang akan dapat menghayati keindahan karya keseluruhannya dalam konteks kehidupan. Di samping itu dapat melihat peranan alam yang mendasari puisi tersebut.

Sajak ialah puisi moden yang semakin popular di kalangan masyarakat, golongan intelektual terutama kalangan para sarjana kesusasteraan dan peminat seni. Puisi merupakan alat pengucapan jiwa penyair untuk menyatakan perasaan dan pandangan hidup mereka yang benar dan tepat (Masuri S.N. 1965: 88). Mesej yang disampaikan oleh pengarang dapat direalisasikan di dalam masyarakat serta menimbulkan kerealitian di dalam kehidupan seharian. Ketelitian pemilihan gaya bahasa, kata mahupun ungkapan bagi menimbulkan keindahan dan ketepatan makna, yang amat membantu khalayak mendalami makna sajak tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji akan melihat serta menganalisis stail di dalam sajak dari segi

pemilihan kata-kata yang indah dan memberi makna yang tepat dan padat, penggunaan bahasa-bahasa kiasan serta penampilan imej di dalam sajak.

Kajian ini juga akan cuba memperlihatkan serta memperjelaskan stail penulisan di dalam sajak. Pendekatan ini digunakan untuk melihat sajak-sajak penulis terkenal tanah air iaitu saudara Latiff Mohidin. Kajian ini diharapkan akan dapat memperlihatkan keterampilan penyajak menggunakan bahasa-bahasa yang indah di dalam sajak. Dengan cara ini khalayak dapat menghayati hasil karya penulis atau penyajak. Kita juga dapat mengetahui daripada manakah sumber keindahan bahasa ini diperolehi penyajak.

### 1.3. Kepentingan Kajian.

Sepanjang pengetahuan penulis, belum ada kajian ilmiah sama ada tesis atau desertasi tentang sajak-sajak Latiff Mohidin yang menjurus di dalam aspek stail penulisan sajak. Kajian ini diharapkan memberi manfaat yang besar bagi dunia kesusasteraan dan berupaya menambah koleksi kajian mengenai kesusasteraan dalam khazanah kesusasteraan tanah air.

Dengan adanya kajian ini diharapkan masyarakat pencinta sastera khususnya puisi boleh mengetahui keistimewaan intelek dan kebijaksanaan pengolahan bahasa serta pengalaman luas yang dimiliki oleh penyair Latiff Mohidin. Keistimewaan penyair mengarang puisi seolah-olah melukiskan pemandangan alam yang indah dan penuh dengan keasliannya. Keintimannya dengan alam amat ketara di dalam sajak-sajaknya. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadikan penghayatan sastera moden menjadi lebih bermakna dan lebih mencabar, terutama dari sudut analisis stail penulisan puisi.

#### 1.4. Bidang Kajian

Kajian ini hanya ditumpukan kepada aspek kajian teks yang terbatas kepada stail. Cleanth Brooks dan Robert Penn Warren mentakrifkan stail sebagai merujuk kepada pemilihan dan struktur bahasa (Nils Erik Enkvist, 1967: 15). Penyusunan bahasa dan pemilihan kata inilah yang menjadi ciri utama yang membezakan Latiff Mohidin dengan penyair tanah air lain seperti Usman Awang, Masuri S.N. dan Muhammad Hj. Salleh. Walaupun ramai penyair tanah air yang menghasilkan antologi sajak, tetapi pengkaji hanya memilih sajak-sajak Latiff Mohidin sama ada dalam antologi ataupun sajak yang termuat di dalam artikel-artikel tertentu yang relevan sahaja untuk dianalisis. Pengkaji ingin melihat keindahan stail sajak-sajak penyair yang dihasilkan. Pada anggapan penulis, sajak-sajak Latiff Mohidin dapat memperlihatkan ciri-ciri keindahan yang dapat dinikmati serta dihayati oleh khalayak. Antara karya Latiff Mohidin yang dikaji ialah antologi *Sungai Mekong*, *Pesisir Waktu*, *Rawa-rawa*, *Wayang Pak Dalang*, *Kembara Malam* dan *Serpihan dari Pedalaman*, serta sajak-sajak di dalam antologi susunan pengarang-pengarang tertentu yang lain. Penulis akan memilih sajak-sajak secara rawak daripada setiap antologi yang disebutkan untuk dianalisis berdasarkan kerelevanannya.

#### 1.5. Batasan Kajian.

Sepanjang usia penulisannya, Latiff Mohidin banyak menghasilkan sajak dan juga seni tampak. Sebanyak empat buah antologi utama telah beliau hasilkan. Di samping itu sajak-sajak beliau juga banyak yang termuat di dalam majalah-majalah *Dewan Bahasa* dan *Dewan Sastera* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Terdapat juga sajak-sajak beliau yang memenangi Hadiah Sastera Negara. Manakala lukisan beliau juga sering mendapat perhatian masyarakat. Beliau sering mencurahkan hati



sama ada dalam bentuk penulisan atau catan. Sehubungan dengan itu, beliau sering juga menghubungkan lukisan dengan sajak.

Untuk kajian ini, pengkaji akan memberi tumpuan kepada sajak-sajak yang difikirkan relevan sahaja. Pengkaji memilih sembilan puisi daripada antologi *Kembara Malam*, sembilan puisi daripada *Wayang Pak Dalang*, lapan puisi daripada *Serpihan Dari Pedalaman*, enam puisi daripada *Sungai Mekong*, enam puisi daripada *Pesisir Waktu*, sembilan puisi daripada *Rawa-rawa* dan lima daripada *Puisi-puisi Baharu Melayu 1961-1986*. Pengkaji menganggap bilangan sajak yang dipilih memadai untuk dikaji. Sajak-sajak yang dipilih berjumlah 52 kesemuanya dan mempunyai ciri-ciri yang berkaitan dengan kajian ini. Sajak-sajak tersebut adalah:

1. Daripada antologi *Kembara Malam* (1974)

- i. pertemuan.
- ii. kulukis engkau.
- iii. dada laut.
- iv. segempal salji.
- v. puisi romantis.
- vi. sungai kelang.
- vii. bak si bongkok.
- viii. burung-burung hitam.
- ix. bunga dan balam dan awan.

2. Daripada antologi *Wayang Pak Dalang* (1977)

- i. di bawah kota itu.
- ii. pesta lampu.

- iii. kelang.
- iv. perahuperahu hitam.
- v. air pasang.
- vi. tarian arus.
- vii. pasir biru.
- viii. suara
- ix. senja di pedalaman

3. Daripada antologi *Serpihan Dari Pedalaman* (1979)

- i. seekot tempua.
- ii. di rahim sumur.
- iii. desah kincir air
- iv. pemuda yang berjalan menuju bukit
- v. raga yang basah.
- vi. dalam senyap.
- vii. remang.
- viii. bagai helang terbang meliuk.

4. Daripada antologi *Sungai Mekong* (1981)

- i. sungai mekong.
- ii. sungai tua.
- iii. satu satu pulang.
- iv. biarlah kutiduri jua.
- v. puteri berendam
- vi. biarlah kutiduri jua.

5. Daripada antologi *Pesisir Waktu* (1981)

- i. digulungnya senja .
- ii. membongkok mengutip bola mataku.
- iii. sajak-sajak di tengah malam.
- iv. kemarau atau seekor anak ikan tembakul.
- v. tangan itu telentang.
- vi. pulangkan kembali.

6. Daripada antologi *Rawa-rawa* (1992)

- i. Rawa-rawa
- ii. Ukiran angin tenggara
- iii. Seruan Air
- iv. Dongeng Dari Kotaraya
- v. Ada Sinar Senja Memanjang
- vi. Di Sudut Dusun
- vii. Bawalah Kami Kembali Ke Bumi
- viii. Siapa Pulakah Di Antara Kita...
- ix. Aku Tidak Mahu Menjadi ...

7. Daripada antologi *Puisi-puisi Baharu Melayu 1961 - 1986*.

- i. Darahku .
- ii. Dengan Wajah yang Lain.
- iii. Engkaukah Itu?
- iv. Siapalah yang Kaucari?
- v. Tanah Ini Akan Mencintai Aku.

### **1.6. Kriteria Pemilihan Bahan Kajian.**

Bahan kajian yang dinyatakan di atas dipilih berdasarkan beberapa kriteria tertentu. Antaranya adalah seperti berikut:

- i] Puisi yang dipilih berdasarkan kreativiti penyair dalam ciptaannya.
- ii] Puisi yang dipilih mempunyai perkataan atau ungkapan-ungkapan yang menggambarkan keterampilan penulis dalam mempersembahkan bahasa yang bermutu.
- iii] Puisi yang dipilih bukanlah berdasarkan kuantiti tetapi diteliti berdasarkan kualiti.
- iv] Sajak-sajak yang termuat dalam antologi yang disusun pengarang lain diandaikan mempunyai kualiti. Ini boleh diandaikan begitu kerana sajak-sajak itu dimuatkan bersama-sama tokoh penyair terkenal tanah air seperti Usman Awang dan A.Samad Said.

### **1.7. Tinjauan Kajian Terdahulu.**

Sepanjang penelitian dan pembacaan penulis, kajian-kajian sarjana tentang sajak-sajak Latiff Mohidin secara ilmiah belum ada lagi. Namun, penulisan essei serta penghasilan buku-buku ada diusahakan oleh beberapa orang sarjana. Antaranya ialah Ali Ahmad, Shahnnon Ahmad, Ahmad Kamal Abdullah dan Umar Junus. Tetapi kajian mereka tidaklah memberikan fokus utama kepada sajak-sajak Latiff Mohidin. Sebaliknya penulisan mereka difokuskan kepada beberapa orang penyajak tanah air yang sudah terkenal.

Ali Ahmad (1984) yang membuat kajian tentang tema sajak-sajak Melayu melihat bahawa tema sajak-sajak Latiff Mohidin ada keserasian dengan bahasanya

terutama dalam pemilihan kata bagi sajak. Ketepatan pemilihan kata dapat menyatakan sesuatu makna dengan jelas. Menurut beliau (1984: 17);

Dari bakat penyair - pelukis A.Latiff Mohidin ditemui satu macam kekuatan yang terletak pada pemilihan kata yang sederhana lagi puitis dengan tidak meringankan kesan erti yang dibawanya.

Shahnon Ahmad melihat keanekaragaman kesan pada puisi Latiff Mohidin. Sajak Latiff Mohidin memperlihatkan perihal kesan pada diri penyajak sendiri. Dalam hal ini, Shahnon Ahmad memberikan pandangan yang jelas tentang diri Latiff Mohidin.

“Aspek kesan ini lebih tertumpu kepada pancaindera rasa, lihatan dan dengar. Kesan-kesan ini amat penting bagi Latiff Mohidin kerana sepintas lalu yang dialaminya itu pada satu-satu detik. Sikap melukis kesan sepintas lalu ini merupakan satu keraiteria yang puisi-puisi Latiff Mohidin amat padat dan pendek sekali.”(Shahnon Ahmad, 1978: 51-52)

Aspek kesan di dalam sajak ini dikaitkan dengan unsur - unsur alamiah yang mendasari persekitaran hidup manusia. Dalam meneliti kesan objek-objek alam ini, pancaindera memainkan peranan yang amat penting.

“Kesan sepintas lalu ini sering Latiff kaitkan dengan situasi persekitaran manusia dan unsur-unsur alam yang amat lumrah. Unsur-unsur alamiah ini menjadi bahan pengamatan pancaindera manusia. Misalnya, pokok-pokok, sungai, rumah, lantai, kamar, belalang dan lain-lain. Di samping itu, unsur-unsur tersirat yang unik biasanya disampaikan kepada audien dengan penelitian diksi-diksi sehingga berjaya mengusik bukan sahaja pancaindera penglihatan malahan pancaindera yang lain.”(Ibid)

Ahmad Kamal Abdullah (1988: 82) meneliti makna sajak Latiff Mohidin di sebalik imej alam yang terungkap secara bersahaja di dalam sajak. Pengucapan Latiff yang sederhana namun membawa makna yang mendalam. Umar Junus pula,

melihat aspek pemakaian bahasa di dalam sajak Latiff Mohidin. Kesederhanaan pemakaian bahasa di dalam sajak Latiff Mohidin melahirkan keindahan dan kekuatan di dalam sajak. Menurut Umar Junus (1970: 149-150) lagi, tidak ada pemaksaan dalam pemakaian bahasa sajak Latiff Mohidin.

“Pada sajak ini terlihat kesederhanaan pemakaian bahasa, namun tidak kurang keindahan dan kekuatan yang ada dalam sajak ini. Perletakan suatu pengucapan ke dalam baris-baris dan bait terasa wajar dan memang terasa sebagai keharusan puisi. ...Kalau ada perulangan pada sajak ini maka perulangan itu adalah satu keharusan, bukan kerana mencari keindahan dengan perulangan itu. ... Di sinilah kelihatan kekuatan yang ada pada sajak-sajak Latiff Mohidin”.

Selain aspek pemakaian bahasa, Umar Junus juga meneliti aspek visual di dalam sajak-sajak Latiff. Di dalam sajak Latiff, struktur penulisan puisi dapat dilukiskan dengan garis-garis yang berperanan seperti senilukis.

“Perkembangan penting yang dilakukan Chairil ialah penggunaan puisi kalimat, yang berupa manipulasi pemakaian kalimat/ayat, yang menyebabkan baris-baris sajaknya terasa padat dan biasa pula mempunyai lebih daripada satu erti. Keadaan ini tetap dilanjutkan Latiff, tapi ditambah suatu dimensi lain kepadanya. Latiff tidak semata-mata menggunakan konsep puisi kalimat, yang kekuatannya terletak pada kesanggupan pemakaian bahasanya. Ia menambahkan aspek visual kepadanya, sehingga terjadi struktur penulisan puisi yang dapat dilukiskan dengan garis-garis.”(Umar Junus, 1976: 277-278)

Ringkasnya, keempat-empat penulis di atas memperlihatkan pengamatan yang berbeza tentang keindahan sajak Latiff Mohidin. Walaupun mereka melihat dari aspek keindahan tetapi perbezaan pandangan mereka agak jelas. Tambahan pula pengamatan mereka terhadap sajak Latiff Mohidin tidak menyeluruh. Sehubungan dengan itu, pengarang akan menggunakan pendekatan resepsi dalam melihat

keindahan stail sajak Latiff Mohidin. Pendekatan ini lebih menekankan kepada ciri-ciri penggunaan bahasa yang indah dan bagaimana penyajak memperlihatkan keterampilannya memilih kata-kata dan ungkapan dalam menyampaikan mesej kepada khalayak.

### **1.8. Metodologi Kajian.**

Metodologi yang akan digunakan dalam penyelidikan ini ialah kaedah penyelidikan kepustakaan. Pengkaji mengumpulkan antologi sajak-sajak serta sumber dan bahan-bahan tentang penyair, Latiff Mohidin. Penelitian dibuat terhadap sajak-sajak terpilih yang terdapat di dalam antologi-antologi tersebut di samping sajak-sajak yang terdapat di dalam antologi penyajak lain. Kajian ini juga akan meneliti kajian-kajian sarjana yang lalu untuk pengkaji menjadikannya sebagai asas dalam penyelidikan.

Kajian ini akan meneliti stail di dalam sajak-sajak Latiff Mohidin. Sebagai penyair yang memiliki latar belakang yang istimewa, Latiff Mohidin senantiasa menggunakan alam sebagai imej utama sajaknya. Kebolehan dan bakatnya di dalam bidang seni lukis telah menjalinkan hubungan yang intim antara Latiff Mohidin dengan alam. Latiff Mohidin tidak boleh dipisahkan dengan seni lukis dan sajak. Seni lukis dan sajak-sajaknya tidak boleh dipisahkan dengan alam, umpama lagu dan irama, jika dipisahkan akan sumbang jadinya. Di samping itu, Latiff Mohidin bersama-sama beberapa orang rakan yang sejiwa dan sealiran dengannya telah menubuhkan Kumpulan Anak Alam yang telah berupaya menonjolkan manusia dan alam yang masing-masing berperanan dalam memelihara usia dunia yang semakin uzur ini.

Dalam mengkaji sajak-sajak yang disebutkan tadi, penulis lebih memberatkan perbahasan tentang stail terhadap sajak Latiff berbanding isinya. Walaupun tersirat di sebalik ungkapan kata-kata yang indah itu, bersemadi makna yang bernas dan mesej yang murni untuk manusia sejagat, namun ianya mungkin hanya diimbas sepintas lalu sahaja. Latiff Mohidin mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menampilkan makna alam dan manusia sama ada melalui seni tampak mahupun dengan kata-kata atau bahasa. Menerusi kemahiran yang tinggi dalam menampilkan stail inilah Latiff Mohidin berjaya melahirkan sajak-sajak yang bernas dan berisi melalui fenomena alam dan pengalaman-pengalaman yang melingkungi hidup seninya (Ali Ahmad, 1984: 16).

### **1.9. Susunan Disertasi.**

Pada keseluruhannya, kajian ini mengandungi 4 bab. Bab 1 merupakan pendahuluan yang terdiri daripada Pernyataan Masalah, Tujuan Kajian, Kepentingan Kajian, Bidang Kajian, Batasan Kajian, Bahan Kajian, Kriteria Pemilihan Bahan, Tinjauan Kajian Terdahulu, Metodologi Kajian dan Susunan Disertasi.

Bab 2 memberi penjelasan tentang konsep stail dalam puisi moden. Bab ini menghuraikan tentang stail dari segi bahasa puisi dan bentuk puisi.

Bab 3 merupakan intipati kajian. Di dalam bab ini sajak-sajak Latiff Mohidin dianalisis berdasarkan stail penulisan sajak. Sajak-sajak pilihan adalah daripada antologi *Kembara Malam*, *Wayang Pak Dalang*, *Serpihan Dari Pedalaman*, *Sungai Mekong*, *Pesisir waktu*, *Rawa-rawa* dan *Puisi-puisi Baharu Melayu 1961-1986*. Stail dilihat daripada dua aspek iaitu bahasa dan bentuk.

Bab 4 merupakan rumusan dan kesimpulan daripada penemuan-penemuan hasil kajian yang telah dijalankan.



## BAB 2

### STAIL DALAM PENULISAN PUISI

#### 2.1. Pendahuluan.

Ilmu kesusasteraan boleh dibahagikan kepada dua bidang utama iaitu teori dan sejarah kesusasteraan. Kedua-duanya memperlihatkan perbezaan dari segi pendekatan kajian dan proses penciptaannya. Teori kesusasteraan menyediakan ramuan gagasan dan ciri-ciri pendekatan yang dapat memberi sumbangan ke arah pembaca memahami makna dengan tepat dan mendalam. Teori menjelaskan hubungan antara pengarang, karya dan pembaca. Teori kesusasteraan melihat fenomena sastera secara am dan membentuk paradigma bagi memudahkan pengkajian kesusasteraan dapat dilakukan secara saintifik. Manakala sejarah kesusasteraan pula melihat daerah bahasa dan bangsa dari perspektif waktu (Ali Ahmad, 1994: 41).

Para sarjana yang membuat kajian di dalam bidang kesusasteraan telah memberi sumbangan yang amat besar nilainya ke arah pembinaan dan perkembangan sastera. Mereka telah mengemukakan teori-teori kritikan dan pendekatan-pendekatan kesusasteraan guna untuk pembaca memahami, mentafsir dan menilai sesebuah hasil karya dengan sistematik. Pendekatan-pendekatan yang diperkenalkan membolehkan pembaca melihat karya dengan terperinci dan objektif melalui metodologi-metodologi tertentu.

Pendekatan kesusasteraan terbahagi kepada dua iaitu pendekatan intrinsik dan pendekatan ekstrinsik. Pendekatan intrinsik yang melihat karya secara objektif menganggap sesebuah hasil karya itu sebagai *autonomus* yang mengandungi makna tersendiri. Pendekatan ekstrinsik pula menitikberatkan latar belakang karya,

hubungannya dengan pengarang dan hubungannya dengan pembaca (Wellek dan Warren, 1988: 107-109).

Golongan formalis Rusia memberi lebih tumpuan kepada aspek-aspek bunyi, rentak dan gaya bahasa. Karya sastra dikatakan sebagai objek yang boleh dikaji secara saintifik. Teks boleh dibedah dan dianalisis. Golongan Kritikan Baru Amerika pula menekankan karya sebagai sesuatu yang *autonomus* iaitu karya boleh berdiri sendiri yang tidak tertakluk kepada pengarang dan pengaruh luaran seperti sejarah dan budaya serta proses penciptaan karya (Teeuw, 1995: 110). Kedua-dua golongan ini memberi penekanan kepada peranan pembaca dalam menghayati karya sastra.

## 2.2. Stail Bahasa Sajak.

*Palak* Stailistik berasal daripada perkataan Latin, *stylus* bermaksud kayu pancang atau tonggak ataupun bahan penulisan. Manakala makna yang lebih moden melibatkan tentang perluasan metafora dan metonimi (Jeremy Hawthorn, 1992: 178). Stailistik berhubung kait dengan persoalan bahasa yang lebih terbatas kepada karya sastra (Umar Junus, 1989: xi). Bahasa seni adalah bahasa yang halus, atau bahasa yang indah. Pendeknya bahasa yang bergaya atau bahasa yang indah merupakan cara pengarang menyatakan sesuatu dengan perantaraan bahasa yang indah. Menurut Geoffrey Leech dan Michael Short,

*"...in general, literary stylistic has implicitly or explicitly, the goal of explaining the relation between language and artistic function." (Jeremy Hawthorn, 1992: 179)*

*(important)*

Penggunaan bahasa yang mempunyai unsur-unsur keganjilan, keluarbiasaan dan keunikan bukan sahaja mengindahkan bentuk tetapi juga dari segi makna.

### 2.2.1. Ragam Bahasa.

Bahasa merupakan pengantara di antara penyajak dengan khalayak. Bahasa digunakan untuk menyampaikan mesej. Bahasa yang mempunyai makna yang mantap memberikan kejelasan erti bagi curahan hati dan perasaan penyajak kepada khalayak. Dalam menyampaikan makna, perasaan dan mesej, penyajak menggunakan berbagai-bagai ragam bahasa yang disampaikan dengan berbagai-bagai cara. Pemilihan dan penggunaan bahasa yang berbagai ragam dalam sajak bergantung sepenuhnya kepada kemahiran dan kebijaksanaan penyajak. Kebijaksanaan dan keterampilan penyajak menggunakan ragam bahasa dalam sajak inilah yang menentukan sama ada sesebuah sajak itu indah, menarik dan memberi kesan ataupun sebaliknya.

#### 2.2.1.1. Imej.

Imej ialah tanggapan akal yang tercetus daripada pengalaman pancaindera manusia. Imej merupakan bayangan mental yang diperolehi daripada benda asli. Akal manusia dapat membayangkan imej-imej secara langsung atau tidak langsung. Keadaan ini berlaku kerana akan manusia sentiasa berfikir dalam bentuk imej bukan dalam bentuk verbal (Mangantar Simanjuntak, 1987: 99). Hasil tindak balas pancaindera manusia dengan alam akan membentuk satu takungan imej yang apabila lama berada dalam mental, ia menjadikan 'satu ingatan'. Ingatan manusia tentang sesuatu pengalaman lampau boleh membawa kepada mimpi atau igauan yang luar biasa yang menjadikan ingatan secara sedar atau ingatan bawah sedar (Sigmund Freud, 1935: 81-88). Ingatan atau pengalaman bawah sedar dalam otak manusia juga menjalankan operasi bawah sedar yang berupaya melahirkan imej tertentu dalam puisi (Frederick Clarke Prescott, 1959: 104-105). Imej merupakan satu gambaran

mental umpama sekeping gambar yang mengungkapkan seribu kata-kata. Menurut pandangan X.J.Kennedy & Dana Gioia, (1994:78)

*Images in poetry generally mean a word or sequence of words that refers to any sensory experience. Often this experience is a sight (visual imagery, as in Pound's poem), but it may be a sound (auditory imagery) or a touch (tactile imagery, as a perception of roughness or smoothness). It may be an odor or a taste or perhaps a bodily sensation such as pain, the prickling of gooseflesh, the quenching of thirst.*

Imej di dalam puisi ialah unsur-unsur kata yang boleh menimbulkan kesan tanggapan akal yang mendalam kepada khalayak. Kata-kata yang diungkap boleh dalam bentuk konkrit ataupun yang abstrak. Ia juga boleh berlaku dalam kata tunggal, frasa, ayat atau keseluruhan puisi (X.J.Kennedy & Dana Gioia, 1994:79). Kesan tanggapan akal ini lebih tertumpu kepada pancaindera rasa, lihtan dan dngaran. Imej ini amat berkesan walaupun ia hanya kesan sepintas lalu yang dialami pada satu-satu detik (Shahnon Ahmad, 1991: 186). Mungkin satu-satu kata dalam puisi itu dapat melahirkan kesan melalui beberapa pancaindera sekali gus supaya lebih jelas maknanya (Ali Ahmad, 1971: 25)

Untuk menjelaskan lagi konsep imej di dalam puisi, pengkaji memilih sajak Muhamad Hj. Salleh, berjudul 'Apakah yang Kau Katakan Padaku, Lautan?' (Kamaruzzaman A.Kadir, 1989: 273). Sedutan sebahagian daripada sajak tersebut diperturunkan di bawah ini.

Batu yang kau patahkan dari bukit  
 dan jadikan pasir merah  
 sejuta tahun umurnya  
 sekarang berendam di dalam buihmu,  
 asinmu adalah dari zat alam  
 yang terkumpul sejuta tahun pula,  
 angin yang kau rubahkan arahnya  
 siang dan malam

menentukan panas dan sejuk  
kulit dan jasadku

Suara yang aku dengar dari tahun-tahunmu  
sering pasang dan surut di hayatku,  
mengembalikan maknaku  
seperti kulit siput di pantaimu.

Bentuk Imej	Contoh	Tanggapan pancaindera	Kesan
satu kata	batu bukit pasir merah alam asin malam siang sejuk panas suara siput	penglihatan penglihatan penglihatan penglihatan penglihatan rasa penglihatan penglihatan sentuhan sentuhan pendengaran penglihatan	cantik / pejal cantik / tinggi cantik / memutih menarik indah / menarik masin mengerikan/ sunyi meyeronokkan menyeramkan perit/ pedih menarik/ lunak cantik/ menarik
frasa	pasir merah zat alam siang dan malam  panas dan sejuk kulit siput	penglihatan penglihatan penglihatan  sentuhan penglihatan	cantik/ murni indah menyeronokkan/ mengerikan/ sunyi panas/ sejuk cantik/ menarik
ayat	asin adalah dari zat alam	rasa	perasaan dalaman
keseluruhan		sentuhan/rasa/ pendengaran/ penglihatan	sunyi/ menyeronokkan/ indah menarik

**Rajah 1: Bentuk Imej Mengikut Tanggapan Pancaindera Manusia.**

Di dalam rajah di atas, imej-imej yang terdapat di dalam sajak 'Apakah yang Kau Katakan Padaku Lautan?' dapat dijeniskan mengikut kata, frasa, ayat dan keseluruhan puisi. Keempat-empat kategori ini dapat digambarkan melalui tanggapan pancaindera yang memberikan kesan yang beranekaragam. 'Alam', imej yang terdiri daripada satu kata boleh memberi kesan kepada khalayak yang

mempunyai pelbagai citarasa dan tafsiran. Kepada pelukis, sasterawan dan seniman, alam yang indah lagi mempesonakan ini merupakan anugerah Ilahi yang menjadi sumber segala ilham bagi menghasilkan karya seni. Pengalaman hidup di dalam alam ini yang berbagai-bagai memungkinkan pengertian yang berbeza kepada manusia. Misalnya, bagi manusia yang kecewa dalam hidup, tentulah merasakan alam ini begitu membosankan dan segalanya tidak indah. Situasi 'panas dan sejuk' memberikan kesan sentuhan yang berbeza kepada manusia berdasarkan situasi yang berbeza pula. Kepada manusia yang tinggal di kawasan kutub utara mahupun selatan, panas merupakan nikmat yang tidak ternilai di dalam kehidupan. Panas ialah inspirasi di dalam kehidupan. Sejuk pula membawa pengertian yang berbeza. Mungkin timbul suasana kengerian apabila mereka mengingatkan ribut salji ataupun glasier runtuh dan sebagainya. Kalau ditinjau dari sudut pengelihatan pula, sejuk boleh membawa kepada keindahan. Misalnya pemandangan sewaktu salji sedang turun di puncak gunung Fujiyama atau Himalaya.

Alam dan manusia merupakan dua makhluk yang tidak dapat dipisahkan. Kedua-duanya saling perlu-memerlukan di antara satu sama lain. Alam, selain menjadi sumber utama ekonomi, juga merupakan inspirasi kepada seniman, sasterawan mahupun penyair. Sajak-sajak baru adalah menjadi kegemaran penyajak untuk mengiringkan imej-imej dari alam, walaupun sajak-sajak tertentu tidak membawa tema alam (Ali Ahmad, 1984: 3). Alam menjadi objek, tempat penyajak ataupun pelukis melahirkan perasaan. Bagi golongan Romantik, alam ialah lambang kebebasan, kemurnian dan keharmonian yang dapat memenuhi hasrat jiwa dan sanubari mereka. Alam merupakan anugerah Ilahi yang tidak ternilai kepada

berbeza  
sajak

manusia dan makhluk-makhluk lain yang menghuninya. Penyair dan seniman amat mencintai dan menghargai alam. Hidup penuh kenikmatan dan kepuasan dari sumber alam seperti ombak, sungai, laut, matahari, bulan, langit, malam dan lain-lain (Shahnon Ahmad, 1978:187). Alam menjadi tempat luahan perasaan penyair ketika gembira dan alam juga menjadi tempat penyair mengadu ketika kekecewaan. Namun imej-imej yang tertera di dalam sajak-sajak mempunyai takrifan yang berbagai-bagai mengikut tanggapan atau kaca mata pengkritik sastera, kerana imej bukanlah rakaman objek semata-mata tetapi sebenarnya menjadi penanda kepada makna yang tersembunyi dibaliknya (C.Day Lewis, 1964: 48).

#### 2.2.1.2. Bahasa Perbandingan.

Masyarakat Melayu memang kaya dengan budi bahasa. Dalam menyampaikan tutur kata, seringkali kelembutan bahasa diutamakan demi memelihara hati dan perasaan pendengar. Bahasa perbandingan adalah merupakan salah satu ciri gaya bahasa yang sering digunakan sama ada dalam pertuturan dan penulisan. Di dalam sajak, bahasa perbandingan sering digunakan untuk mengindahkan puisi serta menyampaikan makna dengan berkesan.

##### 2.2.1.2.1. Simile.

Simile ialah tamsil atau perbandingan yang digunakan untuk membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain supaya mesej yang hendak disampaikan dapat difahami dengan jelas. Sesuatu yang dibandingkan itu sememangnya ada dalam pengetahuan pembaca. Kebiasaannya pada perbandingan ini terdapat kata penanda sebelum ungkapan perbandingan itu. Kata penanda tersebut ialah *seperti*, *bagai*, *umpama*, *macam*, *laksana*, dan *bak*. Menurut X.J.Kennedy & Dana Gioia (1994: 98),

*Simile: a comparison of two things, indicated by some connective, usually like, as, than, or a verb such as resembles. A simile expresses a similarity.*

Misalnya, 'kala hujan gerimis *bagai bunyi tambur mainan anak-anak*' (Sajak W.S.Rendra dalam Muhammad Haji Salleh, 1977: 111).

Kutulis surat ini  
kala *hujan gerimis*  
*bagai bunyi tambur mainan*  
anak-anak peri dunia yang ghaib.

Kutulis surat ini  
kala langit menangis  
dan dua ekor belibis  
*bercintaan dalam kolam*  
*bagai dua anak nakal*  
jenaka dan manis  
mengibas ekor  
serta menggetarkan bulu-bulunya.

#### 2.2.1.2.2. Metafora.

Metafora ialah gaya bahasa untuk membandingkan sesuatu benda dengan benda yang lain yang dibuat secara langsung. Bahasa kiasannya tidak menggunakan ibarat tetapi dibuat kiasan terus. Kata-kata yang diungkapkan memperoleh makna perbandingan tanpa menggunakan kata banding (Rahman Shaari, 1993:1). Menurut Christopher Collins (1970: 73),

*The metaphor, there exists a shorter, more direct form analogy. Its process is roughly the same as that of the simile: two objects are compared; the primary object, a person, idea, or thing, is clarified by being placed close to some more visualizable object. The area of similarity is specified (or at least clearly implied) by the context. The important difference is that no word such as 'like' or 'as' or 'resembles' is there to notify the reader that these two objects are to be compared.*

Manakala X.J.Kennedy & Dana Gioia (1994: 98-99) pula menjelaskan,